

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HFT 201/NSK 027 Teori-Teori Seni

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab TIGA [3] soalan. SOALAN NO 1 WAJIB dijawab dan DUA [2] soalan yang lain.

1. Winckelmann menulis: "Warna itu cantik disebabkan oleh pengecatan yang mengalir. Variasi warna dan warna pertengahan susah untuk didapati dan dipakai. Ramai pelukis handalan melukis dengan perlahan. Raphael dan para pengikutnya adalah pewarna handalan, dan catan mereka boleh kita kaji dengan teliti." (Winckelmann, Esei Mengenai Apa Yang Indah Di Dalam Seni, ms. 29).

Berdasarkan petikan di atas, huraikan teori seni yang dianjurkan oleh Winckelmann.

[40 markah]

2. "Socrates: Kita bersetuju mengenai soal peniru. Bagaimana pula tentang pelukis, ceritakan kepadaku sekarang. Adakah kau berpendapat bahawa apa yang cuba ditirunya itu ialah benda itu sendiri, seperti ia wujud di alam semulajadi, atau apa yang cuba ditirunya itu ialah karya ahli tukang?" (Plato, Republik Buku X, ms. 10).

Huraikan teori seni yang tersirat di dalam kenyataan Socrates ini.

[30 markah]

3. "Hasil-hasil seni yang telah dihasilkan oleh pemikiran adalah bersifat kerohanian. Hasil-hasil seni tersebut mempunyai sesuatu yang sensuous atau nikmat bagi kita, tetapi keindahan itu diresapi oleh pemikiran." (Hegel, Konsep Keindahan Yang Seni Atau Yang Idealis, ms. 2.

Eseikan konsep keindahan yang diperkatakan oleh Hegel ini.

[30 markah]

4. Coomaraswamy mengutarakan teori estetika Hindu. Bandingkan teori Hindu dengan teori seni Cina yang diutarakan oleh Kuo Hsi.

[30 markah]

5. Teori seni yang dianjurkan oleh Faruqi tidak sesuai untuk mentafsir seni Barat. Kenapa?

[30 markah]

6. Jelaskan konsep-konsep yang menjiwai seni Avant Garde.

[30 markah]

-ooo000ooo-